



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 63**

**4hb Februari 2010**

**No. 3**

---

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

(Act 313)

**No. 125.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 10

NOTIFICATION UNDER SECTION 10

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pengarah Perhutanan Negeri Pahang dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengelaskan sebahagian kawasan tanah di dalam Hutan Simpanan Kekal yang dinyatakan di dalam ruang (1) Jadual sebagaimana ditandakan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas pelan ukur yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang yang setiap satunya adalah seluas sebagaimana dinyatakan dalam ruang (3) Jadual sebagai Hutan Lipur yang dinyatakan dalam ruang (5) mulai dari tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 10 National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the Pahang State Director of Forestry with the approval by the State Authority classifies a portion of land in each of Permanent Reserve Forests specified in column (1) of the Schedule as delineated edged in grey upon survey plans specified in column (4) of the Schedule deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang State each of which comprises an area as specified in column (3) of the Schedule to be a Amenity Forest as specified in column (5) with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Nama Kawasan/ <i>Name of Area</i>	Daerah/ <i>District</i>	Keluasan/ <i>Extent</i>	No. Pelan Warta/ <i>Gazette Plan No.</i>	Nama Kawasan Hutan Lipur/ <i>Name of Recreational Area</i>
1. Hutan Simpan Gunung Benum	Raub	429.4 hektar	P.W. 3851	Hutan Lipur Lata Berembun
2. Hutan Simpan Terenggun	Lipis	288.10 hektar	P.W. 3852	Hutan Lipur Terenggun
3. Hutan Simpan Chini	Bera	1,101.00 hektar	P.W. 3853	Hutan Lipur Bukit Bertangga
4. Hutan Simpan Som dan Hutan Simpan Jerantut (Tambahan)	Jerantut	1,646.00 hektar	P.W. 3854	Hutan Lipur Som dan Hutan Lipur Lata Meraung
5. Hutan Simpan Yong	Lipis	18,787.50 hektar	P.W. 3876	Taman Rimba Kenong
6. Hutan Simpan Berkelah	Kuantan	349.80 hektar	P.W. 3877	Hutan Lipur Sungai Pandan
7. Hutan Simpan Berkelah	Kuantan	1,784.10 hektar	P.W. 3878	Hutan Lipur Jerangkang & Berkelah
8. Hutan Simpan Beserah	Kuantan	592.20 hektar	P.W. 3879	Hutan Lipur Bukit Beserah
9. Hutan Simpan Beserah	Kuantan	397.70 hektar	P.W. 3880	Hutan Lipur Bukit Pelindung dan Teluk Chempedak
10. Hutan Simpan Menchali	Rompin	103.80 hektar	P.W. 3881	Hutan Lipur Menchali
11. Hutan Simpan Bertam	Cameron Highlands	825.30 hektar	P.W. 3882	Hutan Lipur Parit Falls
12. Hutan Simpan Jengka	Temerloh	1,033.60 hektar	P.W. 3883	Hutan Lipur Gunung Senyum
13. Hutan Simpan Tekai Tembeling	Jerantut	1,373.00 hektar	P.W. 3884	Hutan Lipur Kem Nusa dan Hulu Tembeling
14. Hutan Simpan Bukit Taching dan Hutan Simpan Ulu Dong	Lipis & Raub	1,128.27 hektar	P.W. 3885	Hutan Lipur Jerangsang dan Lata Jarum

Bertarikh 11 Januari 2010

Dated 11 January 2010

[PHN.Phg. (Pem). 703/16 s.k. 1]

DATO' HAJI MOHD. PAIZ BIN KAMARUZAMAN  
*Pengarah Perhutanan Negeri  
Pahang*

**No. 126.**

## PELANTIKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(1)

## APPOINTMENT UNDER SUBSECTION 3(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri Pahang telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual ke jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang ditetapkan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority of Pahang has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold post stated in column (2) with effect from the dates specified in column (3) corresponding to their respective names.

## JADUAL/SCHEDULE

	(1)	(2)	(3)
1.	Samsudin Bin Suet	Penolong Pemelihara Hutan Gred G36 Penolong Pegawai Biji Benih (Jawatan Ibu Pejabat Perhutanan)	15-8-2007
2.	Ngaijah Binti Mohd Sadali	Penolong Pemelihara Hutan Gred G32 KADER Perhutanan Tapak RAMSAR (Jawatan KADER di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara)	15-8-2007
3.	Azhar bin Ahmad	Pemelihara Hutan Gred G44 Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan (Siasatan 1) (Jawatan Ibu Pejabat Perhutanan)	1-11-2008
4.	Zulfakar bin Ali	Pemelihara Hutan Gred G41 Pegawai Hutan Daerah Raub dan Cameron Highlands	1-6-2009
5.	A. Rahim bin Omar	Pemelihara Hutan Gred G41 Pegawai Hutan Daerah Lipis	1-6-2009
6.	Norddin bin Nor	Pemelihara Hutan Gred G41 Penolong Pengarah (Pengurusan Hutan)	1-6-2009
7.	Shahrul Azwan bin Mohd Sabri	Penolong Pemelihara Hutan Gred G27 Penolong Pegawai Perancangan Hutan	1-6-2009

(1)	(2)	(3)
8. Rumizan binti Ghazali	Pembantu Undang-Undang Gred L32 Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia Kuala Lumpur (Ditempatkan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang)	1-9-2009

Bertarikh 8 Januari 2010  
[PHN.Phg.(S) 18/99/0158 Jld. 3 (9)]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Pahang*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
(Act 171)

**No. 127.**

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN  
KUANTAN MUNICIPAL COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2008  
ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2008

Akaun yang telah diaudit ini bagi tahun kewangan 2008, bersama-sama dengan pandangan juruaudit atasnya, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Bertarikh November 2009  
[SUK. Phg./KT. 003/3.22 Jld. 5 Sk. 2]

DATO' AZIZAN BIN AHMAD  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Kuantan*

This audited account for the financial year 2008, together with the auditor's observation thereon, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*].

Bertarikh November 2009  
[SUK. Phg./KT. 003/3.22 Jld. 4 Sk. 2]

DATO' AZIZAN BIN AHMAD  
*President*  
*Kuantan Municipal Council*

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji dan bagi memastikan ketepatan angka dan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kuantan pada 31 Disember 2008 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

KUANTAN  
Bertarikh 15 Julai 2009

CHE MOHD SHUKRI BIN CHE HASSAN  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI MAJLIS

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

Kami, Dato' Azizan bin Ahmad dan Yang Amat Mulia Tengku Besar Pahang Tengku Kamil Ismail bin Tengku Seri Paduka Shahbandar Idris Shah yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuantan, dengan ini menyatakan bahawa, pada pandangan Majlis, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai Serta Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan keadaan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Kuantan pada 31 Disember 2008, dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,  
DATO' AZIZAN BIN AHMAD

*Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kuantan*

Bertarikh 16 Mac 2009

Bagi pihak Majlis,  
YANG AMAT MULIA TENGGU  
BESAR PAHANG TENGGU KAMIL  
ISMAIL BIN TENGGU SERI PADUKA  
SHAHBANDAR IDRIS SHAH

*Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Kuantan*

Bertarikh 16 Mac 2009

## SURAT AKUAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

Saya, Mohd Nizam bin Mahayuddin, Akauntan, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Kuantan dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa, Lembaran Imbangan, Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini bersama-sama dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan telah mengambil kira segala tanggungan dan hasil yang sepatutnya dikutip bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya  
Diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu  
Mohd Nizam bin Mahayuddin  
di Kuantan, di Negeri Pahang  
pada 16 Mac 2009

Di hadapan saya,

KRISHNAN A/L MADAVANAIK  
*Pesuruhjaya Sumpah*  
*Malaysia*

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2008

	2008 (RM)	2007 (RM)
<b>ASET SEMASA</b>		
Wang Tunai dan Baki di bank (Nota 2)	4,041,019	3,183,668
Simpanan Tetap (Nota 3)	12,903,453	7,589,300
Siberhutang Cukai dan Sewa (Nota 4)	18,383,358	16,741,480
Pelbagai Siberhutang (Nota 5)	5,051,857	5,053,205
Pertaruhan Dibayar (Nota 6)	134,650	114,650
	<hr/> 40,514,336	<hr/> 32,682,303
Pelaburan Jangka Panjang	—	1,000,000
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pemiutang	—	1,116,363
Pemiutang Lain (Nota 7)	137,354	41,109
Terimaan Terdahulu (Nota 8)	3,522,372	3,397,379
Pertaruhan Diterima (Nota 9)	11,064,323	9,904,245
Sumbangan Amanah (Nota 10)	2,413,443	2,020,375
Sumbangan Kerajaan Persekutuan (JKR) (Nota 11)	3,631,937	—
Terimaan Projek Kerajaan Negeri (Nota 12)	14,692	—
Jaminan Perlaksanaan Kerja (Nota 13)	112,014	117,532
	<hr/> 20,896,136	<hr/> 16,597,003

	2008 (RM)	2007 (RM)
ASET SEMASA BERSIH	19,618,201	17,085,301
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Nota 14)	27,065,784	26,314,521
KERJA DALAM KEMAJUAN (Nota 15)	—	348,000
	<u>46,683,984</u>	<u>43,747,822</u>
DIBIYAI OLEH:		
Kumpulan Wang Majlis	39,066,268	35,926,218
Bantuan Kerajaan Tertunda (Nota 16)	7,617,716	7,821,604
	<u>46,683,984</u>	<u>43,747,822</u>

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008 (RM)	2007 (RM)
PENDAPATAN		
Cukai Taksiran Am	43,950,316	42,643,616
Caruman Bantu Kadar (Nota 17)	3,143,368	3,106,012
Lesen dan Permit	7,329,740	7,021,603
Terimaan bagi Perkhidmatan (Nota 18)	13,977,268	11,923,100
Perolehan daripada Jualan Barang	240,762	230,079
Sewaan (Nota 19)	6,655,439	6,230,748
Faedah	586,149	339,984
Denda dan Hukuman (Nota 20)	3,174,624	3,244,406
Pemberian Kerajaan (Nota 21)	3,278,795	3,885
Geran Keseimbangan (Nota 22)	10,498,252	5,751,849
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan (Nota 15)	203,889	921,915
	<u>93,038,602</u>	<u>81,417,197</u>
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 23)	36,021,460	29,445,163
Perjalanan Dan Pengangkutan	1,070,197	1,127,825
Perhubungan dan Utiliti	3,772,560	5,209,846
Bayaran Sewaan	835,821	292,460
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Penyelenggaraan	3,420,092	2,495,731
Bekalan Pejabat dan Bahan-bahan Lain	1,581,136	2,326,672
Penyelenggaraan dan Pembaikan	9,805,109	5,412,932
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	10,883,493	16,014,243
Bayaran Pengurusan Alam Flora Sdn. Bhd.	16,822,330	9,451,994
Kemudahan/Pengindahan (Nota 24)	3,759,720	1,365,606
Premium insuran, cukai tanah, biasiswa dll	—	937,208
Susutnilai (Nota 14)	1,562,820	1,535,801
Ganjaran dan gantian cuti rehat	—	—
Peruntukan Hutang Ragu	69,782	2,272,004
Pelbagai (Nota 25)	294,032	243,787
	<u>89,898,552</u>	<u>78,131,272</u>

	2008 (RM)	2007 (RM)
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	3,140,050	3,285,925

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008 (RM)	2007 (RM)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	3,140,050	3,285,925
Pelarasan Bagi:		
Susutnilai aset	1,562,823	—
Faedah	—	—
(Keuntungan)/Kerugian atas hapuskira aset	9	(655,996)
Bantuan kerajaan tertunda direalisasi	(203,889)	(921,915)
Peruntukan hutang ragu	69,782	2,272,004
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Operasi Sebelum	4,568,775	3,980,018
Perubahan Modal Kerja		
(Tambahkan)/Kurangkan Dalam Aset		
Penghutang	(1,710,312)	360,896
Pelbagai penghutang	—	—
Pertaruhan Dibayar	(20,000)	—
Tambahan/(Kurangan) Dalam Liabiliti		
Pemiutang	—	—
Pelbagai pemiutang	2,968,993	703,909
Terimaan terdahulu	124,993	—
Pertaruhan diterima	1,160,079	—
Pinjaman kerajaan persekutuan	—	—
Pinjaman kerajaan negeri	—	—
Lain-lain pinjaman	—	—
Sumbangan amanah	393,068	—
Tunas Bersih Daripada/(Digunakan) Aktiviti-Aktiviti Operasi	7,485,596	5,044,823
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan		
Pembelian aset	(2,314,092)	1,625,309
Hasil jualan aset tetap	—	(348,000)
Kerja dalam kemajuan	—	—
Faedah diterima	—	—
Tunai Bersih Daripada/(Digunakan) Aktiviti-Aktiviti Pelaburan	(2,314,092)	1,277,309
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan		
Bantuan kerajaan tertunda	—	—
Pinjaman kerajaan persekutuan	—	—
Pinjaman kerajaan negeri	—	—
Lain-lain pinjaman	—	—
Faedah dibayar	—	—
Tunai Bersih Daripada/(Digunakan) Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan	—	—
Penambahan/(Pengurangan) Tunas Bersih	5,171,504	6,322,132
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	11,772,968	5,450,836
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	16,944,472	11,772,968



	2008 (RM)	2007 (RM)
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun terdiri daripada:		
Tunai di tangan dan bank	4,041,019	3,041,019
Simpanan tetap	12,903,453	8,589,300
	<u>16,944,472</u>	<u>11,772,968</u>

Aliran Tunai di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Kumpulan Wang Majlis  RM	Bantuan Kerajaan Tertunda  RM	Pinjaman dari Kerajaan Negeri  RM	Lain-lain Pinjaman  RM	Jumlah  RM
Tahun 2007					
Baki pada 1-1-2007	33,296,289	8,743,519	—	—	42,039,808
Pelarasan tahun lepas	(655,996)	—	—	—	(655,996)
Baki yang dinyatakan semula	—	(921,915)	—	—	(921,915)
(Lebihan)/Kurangan pendapatan dan perbelanjaan	3,285,925	—	—	—	3,285,925
Baki pada 31-12-2007	<u>35,926,218</u>	<u>7,821,604</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>43,747,822</u>
Tahun 2008					
Baki pada 1-1-2008	35,926,218	7,821,604	—	—	43,747,822
Pelarasan tahun lepas	(655,996)	—	—	—	—
Baki yang dinyatakan semula	—	(203,888)	—	—	(203,888)
(Lebihan)/Kurangan pendapatan dan perbelanjaan	3,140,050	—	—	—	3,140,050
Baki pada 31-12-2008	<u>39,066,268</u>	<u>7,617,716</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>46,683,984</u>

Penyata Perubahan Ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

NOTA BERKENAAN AKAUN-AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

1. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Akaun-akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

## (b) Harta Tetap Dan Susutnilai

Harta Tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Tanah milik kekal dan kerja dalam proses tidak disusutnilaikan.

Perlindungan Insuran hanya dibuat kepada Bangunan Majlis untuk insuran kebakaran sahaja.

Susutnilai harta tetap telah diperuntukkan dengan ansuran yang sama sepanjang jangkamasa kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut:

Tanah Pajak	99 tahun	Sepanjang 99 tahun
Tanah Pajak	66 tahun	Sepanjang 66 tahun
Bangunan		2%
Kenderaan		20%
Mesin dan Jentera		20%
Alat Pemasangan Letrik		10%
Alat Kelengkapan Pejabat		20%
Perabot dan Lengkapan		10%
Peralatan Komputer		20%
Lain-lain Kemudahan Rekreasi		5%
Peralatan Muzik (Kombo)		10%

## (c) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

Risiko kewangan utama yang dihadapi oleh pihak Majlis dan polisi yang berkaitan dengan aktiviti perbendaharaan adalah seperti berikut:

## (i) Risiko kredit

Risiko kredit adalah kemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matang.

## (ii) Risiko Kecairan dan aliran tunai

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam menyediakan dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasanya.

## (d) Pengiktirafan Pendapatan

Hanya pendapatan Cukai Taksiran Am, Caruman Bantu Kadar, Sewaan Bangunan Perusahaan, Pasar, Tandas Awam, Rumah Rehat, Perhentian Bas dan Teksi serta pengambilan kenderaan Majlis oleh Pihak Alam Flora Sdn. Bhd. diambilkira secara konsep 'akruan'. Sementara itu lain-lain pendapatan diambilkira dalam akaun apabila diterima (konsep tunai).

## (e) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah tunai di tangan, tunai di bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(f) Realisasi Bantuan Kerajaan Tertunda

Bantuan Kerajaan Tertunda merupakan bantuan yang diterima daripada pihak kerajaan negeri dan juga persekutuan. Ia adalah diambilkira ke dalam akaun Majlis sebagai pendapatan mengikut kadar jangka hayat harta berkenaan.

(g) Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan termasuklah tunai dan baki-baki tunai di bank, pelaburan, penghutang, pemiutang dan peminjam. Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai masing-masing dinyatakan di dalam pernyataan dasar-dasar perakaunan Majlis.

Instrumen-instrumen kewangan dilangsaikan apabila Majlis mempunyai hak untuk melaksanakan penyelesaian jumlah yang tertentu dan bertujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau menjangkakan nilai harta dan menyelesaikan hutang tersebut pada masa yang sama.

(h) Penghutang-penghutang

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti adalah dihapuskirakan dan peruntukan khas dibuat bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dipungut.

2. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2008 (RM)	2007 (RM)
Baki di bank	4,041,019	3,176,768
Tunai di tangan	—	6,900
Tunai runcit	—	—
	<u>4,041,019</u>	<u>3,183,668</u>

3. SIMPANAN TETAP

Simpanan di bank-bank berlesen	12,903,453	7,589,300
	<u>12,903,453</u>	<u>7,589,300</u>

4. SIBERHUTANG CUKAI DAN SEWA

Penghutang Cukai Taksiran	17,796,931	18,554,466
Penghutang Sewaan	656,209	459,018
	<u>18,453,140</u>	<u>19,013,484</u>
TOLAK:		
Peruntukan Hutang Ragu	69,782	2,272,004
	<u>18,383,358</u>	<u>16,741,480</u>

5. PELBAGAI SIBERHUTANG

Geran Keseimbangan Persekutuan	—	—
Geran Keseimbangan Negeri	—	—
Caruman Bantu Kadar Persekutuan	20,962	19,108
Caruman Bantu Kadar Negeri	—	—
Caruman Bantu Kadar Badan Berkanun	—	—
Pendahuluan, Pihak ketiga (Pembayaran)	—	71,200
Pinjaman Kenderaan	253,058	218,824
Pinjaman Pelajaran	207,636	166,977

	2008 (RM)	2007 (RM)
Pinjaman Komputer	52,691	59,586
Siberhutang Alam Flora	4,517,510	4,517,510
	<u>5,051,857</u>	<u>5,053,205</u>
<b>6. PERTARUHAN DIBAYAR</b>		
Air	134,650	114,650
Elektrik	—	—
Utiliti Lain	—	—
	<u>134,650</u>	<u>114,650</u>
<b>7. PEMIUTANG LAIN</b>		
Perbelanjaan terakru		
Yuran audit	20,555	41,109
Lain-lain	116,799	117,532
	<u>137,354</u>	<u>158,641</u>
<b>8. TERIMAAN TERDAHULU</b>		
Cukai taksiran	633,069	722,674
Sewaan	7,321	3,273
Lesen dan permit	2,881,983	2,671,432
	<u>3,522,372</u>	<u>3,397,379</u>
<b>9. PERTARUHAN DITERIMA</b>		
Pertaruhan aktif	10,929, 934	9,769,855
Pertaruhan tidak aktif	134,389	134,390
	<u>11,064,323</u>	<u>9,904,245</u>
<b>10. SUMBANGAN AMANAH</b>		
Infrastruktur	1,228,458	1,791,548
Landskap	348,692	—
Lain-lain sumbangan amanah	836,293	228,827
	<u>2,413,443</u>	<u>2,020,375</u>
<b>11. SUMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>		
Sumbangan Kerajaan Persekutuan (JKR)	3,631,937	—
	<u>3,631,937</u>	<u>—</u>
<b>12. TERIMAAN PROJEK</b>		
Terimaan Projek Kerajaan Negeri	14,692	—
	<u>14,692</u>	<u>—</u>

13. JAMINAN PERLAKSANAAN KERJA

	2008 (RM)	2007 (RM)
Jaminan Perlaksanaan Kerja	112,014	117,532
	<u>112,014</u>	<u>117,532</u>

14. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Awal Tahun (RM)	Tambahan (RM)	Pelarasan (RM)	Pelupusan (RM)	Akhir Tahun (RM)
Tahun 2008					
Kos					
Tanah Milik Kekal	79,661	—	—	—	79,661
Tanah Pajakan 99 tahun	1,745,349	—	—	—	1,745,349
Tanah Pajakan 66 tahun	554,997	—	—	—	554,997
Bangunan	28,837,700	464,765	—	—	29,302,466
Kenderaan dan jentera	10,211,261	281,665	—	—	10,492,926
Perabot dan kelengkapan pejabat	1,709,233	62,907	—	427	1,771,713
Kemudahan awam dan rekreasi	70,920	6,000	—	—	76,920
Komputer, elektrik dan elektronik	4,532,625	1,498,755	—	—	6,031,380
	<u>47,741,747</u>	<u>2,314,092</u>	<u>—</u>	<u>427</u>	<u>50,055,412</u>
Susutnilai Berkumpul					
Tanah Milik Kekal	—	—	—	—	—
Tanah Pajakan 99 tahun	176,923	17,630	—	—	194,553
Tanah Pajakan 66 tahun	173,550	8,409	—	—	181,959
Bangunan	6,695,845	586,049	—	—	7,281,895
Kenderaan dan jentera	9,298,655	396,215	—	—	9,694,871
Perabot dan kelengkapan pejabat	1,641,585	34,798	—	418	1,675,965
Kemudahan awam dan rekreasi	50,348	3,546	—	—	53,894
Komputer, elektrik dan elektronik	3,390,320	516,172	—	—	3,906,493
	<u>21,427,227</u>	<u>1,562,820</u>	<u>—</u>	<u>418</u>	<u>22,989,628</u>

	Awal Tahun (RM)	Tambahan (RM)	Pelarasan (RM)	Pelupusan (RM)	Akhir Tahun (RM)
Tahun 2007					
Kos					
Tanah Milik Kekal	79,661	—	—	—	79,661
Tanah Pajakan 99 tahun	1,745,349	—	—	—	1,745,349
Tanah Pajakan 66 tahun	554,997	—	—	—	554,997
Bangunan	28,726,410	112,299	(1,009)	—	28,837,701
Kenderaan dan jentera	11,988,390	331,241	(2,108,370)	—	10,211,261
Perabot dan kelengkapan pejabat	4,455,598	48,547	(2,795,339)	—	1,708,806
Kemudahan awam dan rekreasi	410,138	—	(338,791)	—	71,348
Komputer, elektrik dan elektronik	5,570,493	430,380	(1,468,246)	—	4,532,627
	<u>53,531,036</u>	<u>922,467</u>	<u>(6,711,754)</u>	<u>—</u>	<u>47,741,748</u>
Susutnilai Terkumpul					
Tanah Milik Kekal	—	—	—	—	—
Tanah Pajakan 99 tahun	155,426	17,630	3,868	—	176,924
Tanah Pajakan 66 tahun	139,341	8,409	25,799	—	173,549
Bangunan	6,034,223	576,754	84,868	—	6,695,845
Kenderaan dan jentera	10,917,973	509,245	(2,128,563)	—	9,298,655
Perabot dan kelengkapan pejabat	3,698,604	37,491	(2,094,929)	—	1,641,166
Kemudahan awam dan rekreasi	221,623	3,546	(174,403)	—	50,766
Komputer, elektrik dan elektronik	4,362,138	382,726	(1,354,545)	—	3,390,319
JUMLAH	<u>25,529,328</u>	<u>1,535,801</u>	<u>(5,637,905)</u>	<u>—</u>	<u>21,427,224</u>
Nilai Buku Bersih					
				2008 (RM)	2007 (RM)
Tanah				79,661	79,661
Tanah Milik Kekal				1,550,796	1,568,426
Tanah Pajakan				373,038	381,447
Bangunan				22,020,571	22,141,855
Kenderaan dan jentera				798,055	912,606
Perabot dan kelengkapan pejabat				95,748	67,639
Kemudahan awam dan rekreasi				23,026	20,581
Komputer, elektrik dan elektronik				2,124,887	1,142,306
JUMLAH				<u>27,065,784</u>	<u>26,314,521</u>

15. KERJA DALAM KEMAJUAN

TAHUN	BAKI AWAL TAHUN (RM)	TAMBAHAN DALAM TAHUN (RM)	PINDAHAN KE ASET TETAP (RM)	BAKI AKHIR TAHUN (RM)
2008	348,000	—	348,000	—
2007	—	348,000	—	348,000

16. BANTUAN KERAJAAN TERTUNDA

TAHUN	BAKI AWAL TAHUN (RM)	TAMBAHAN DALAM TAHUN (RM)	REALISASI (RM)	BAKI AKHIR TAHUN (RM)
2008				
Bangunan	7,807,975	—	199,343	7,608,632
Kenderaan dan jentera	—	—	—	—
Perabot dan kelengkapan pejabat	1,848	—	924	924
Kemudahan awam dan rekreasi	—	—	—	—
Komputer, elektrik dan elektronik	11,782	—	3,622	8,160
<b>JUMLAH</b>	<b>7,821,604</b>	<b>—</b>	<b>203,889</b>	<b>7,617,716</b>
2007				
Bangunan	8,717,044	—	909,069	7,807,975
Kenderaan dan jentera	8,300	—	8,300	—
Perabot dan kelengkapan pejabat	2,771	—	924	1,847
Kemudahan awam dan rekreasi	—	—	—	—
Komputer, elektrik dan elektronik	15,404	—	3,622	11,782
<b>JUMLAH</b>	<b>8,743,519</b>	<b>—</b>	<b>921,915</b>	<b>7,821,604</b>

17. CARUMAN BANTU KADAR

	2008 (RM)	2007 (RM)
Kerajaan Persekutuan	2,055,357	2,019,161
Kerajaan Negeri	790,686	790,686
Badan Berkanun	297,326	296,165
	<b>3,143,368</b>	<b>3,106,012</b>

18. TERIMAAN BAGI PERKHIDMATAN

Terimaan Perkhidmatan	8,884,214	8,835,811
Terimaan Perkhidmatan Yang Lain	5,093,055	3,087,289
	<b>13,977,268</b>	<b>11,923,100</b>

## 19. SEWAAN

	2008 (RM)	2007 (RM)
Sewaan	2,919,497	6,230,748
Lain-lain Sewaan	3,735,942	—
	<u>6,655,439</u>	<u>6,230,748</u>

## 20. DENDA DAN HUKUMAN

Kompaun-kompaun	3,174,624	3,244,406
	<u>3,174,624</u>	<u>3,244,406</u>

## 21. PEMBERIAN KERAJAAN

Kerajaan Persekutuan	550	—
Kerajaan Negeri	3,278,245	3,885
	<u>3,278,795</u>	<u>3,885</u>

## 22. GERAN KESEIMBANGAN

Kerajaan Persekutuan	9,492,806	4,746,403
Kerajaan Negeri	1,005,446	1,005,446
	<u>10,498,252</u>	<u>5,751,849</u>

## 23. EMOLUMEN

Gaji dan Upahan	35,278,324	29,445,163
Faedah Kewangan yang lain	743,136	—
	<u>36,021,460</u>	<u>29,445,163</u>

## 24. KEMUDAHAN

Kemudahan Taman dan Riadah	160,223	146,435
Kemudahan Lain	3,599,497	1,219,171
	<u>3,759,720</u>	<u>1,365,606</u>

## 25. PELBAGAI

Ganjaran Pekerja Kontrak	72,075	243,787
Bayaran Lain-lain	221,957	—
	<u>294,032</u>	<u>243,787</u>



**No. 128.**

MAJLIS DAERAH RAUB  
RAUB DISTRICT COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2008  
ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2008

Akaun yang telah diaudit ini bagi tahun kewangan 2008, bersama-sama dengan pandangan juruaudit atasnya, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Bertarikh 26 November 2009  
[SUK.Phg./KT. 003/3.22 Jld. 5 SK. 2]

DATO' ABDUL MUAIN BIN ABDUL HAMID  
*Yang Dipertua  
Majlis Daerah Raub*

This audited account for the financial year 2008, together with the auditor's observation thereon, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*].

Dated 26 November 2009  
[SUK.Phg./KT. 003/3.22 Jld. 5 SK. 2]

DATO' ABDUL MUAIN BIN ABDUL HAMID  
*President  
Raub District Council*

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH RAUB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Penyata Kewangan Majlis Daerah Raub bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah babas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Kecuali apa yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Raub pada 31 Disember 2008, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

KUANTAN  
Bertarikh Julai 2009

MOHD MARZUNI BIN MUHAMAD  
*b.p Ketua Audit Negara  
Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH RAUB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Penghutang Perbadanan Kemajuan Bukif Fraser (PKBF)

Penghutang PKBF tidak dapat disahkan kerana Majlis tidak mengambil kira tuntutan oleh PKBF yang telah dipersetujui sejumlah RM258,975. Ini menyebabkan penghutang tersebut dan Kumpulan Wang Majlis terlebih diambil kira sejumlah RM258,975 masing-masing.

2.2 Nilai Buku Bersih Aset Yang Diperolehi Melalui Bantuan Kerajaan Tertunda (BKT)

Terdapat perbezaan nilai buku bersih aset di senarai BKT dengan nilai buku bersih Hartanah, Loji dan Peralatan sejumlah RM323,607 disebabkan Majlis tercepat merealisasikan BKT pada tahun-tahun terdahulu. Ini menyebabkan nilai pembawaan sebenar BKT telah berkurang diambil kira dan Kumpulan Wang Majlis juga terlebih diambil kira sejumlah RM323,607 masing-masing.

3. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh Majlis Daerah Raub untuk meningkatkan akauntabiliti awam.

KUANTAN  
Bertarikh Julai 2009

MOHD MARZUNI BIN MUHAMAD  
*b.p Ketua Audit Negara  
Malaysia*

PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI MAJLIS

MAJLIS DAERAH RAUB

Kami, Dato' Abdull Muain bin Abdul Hamid, DIMP., AAP., dan Dato' IR Azinuddin bin Abdul Rahim, DIMP., AMP., yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Daerah Raub, dengan ini menyatakan

bahawa, pada pandangan Majlis, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan keadaan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Raub pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

DATO' ABDULL MUAIN BIN  
ABDUL HAMID

*Yang Dipertua  
Majlis Daerah Raub*

Bertarikh 16 April 2009

Bagi pihak Majlis,

DATO' IR AZINUDDIN BIN  
ABDUL RAHIM

*Ahli Majlis  
Majlis Daerah Raub*

Bertarikh 16 April 2009

SURAT AKUAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mazlan bin Mohamed Isa, Setiausaha, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Raub, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa, Lembaran Imbangan, Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang berikut ini bersama-sama dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan telah mengambil kira segala tanggungan dan hasil yang sepatutnya dikutip bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya  
Diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu,  
Mazlan bin Mohamed Isa  
di Raub  
di Negeri Pahang  
Pada 16 haribulan April  
Tahun 2009

}

Di hadapan saya,

KAMARUDIN BIN ABDUL GHAFAR  
*Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia*

## LEMBARAN IMBANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008	2007
	RM	RM
<b>ASET SEMASA</b>		
Wang Tunai dan Baki di Bank (Nota 2)	4,484,347	1,913,569
Simpanan Tetap	435,734	422,762
Simpanan Akaun Amanah Institusi	293,078	279,471
Penghutang (Nota 3)	3,589,613	3,847,329
Pertaruhan Dibayar (Nota 4)	20,190	28,540
	<u>8,822,962</u>	<u>6,491,671</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pemiutang Lain (Nota 5)	1,313,595	1,304,912
Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 6)	221,044	221,044
Terimaan Terdahulu (Nota 7)	28,512	31,722
Pertaruhan Diterima (Nota 8)	560,461	511,350
Sumbangan Amanah (Nota 9)	548,239	167,084
	<u>2,671,851</u>	<u>2,236,112</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>	<b>6,151,111</b>	<b>4,255,559</b>
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Nota 10)</b>	<b>7,876,762</b>	<b>6,664,192</b>
<b>KERJA DALAM KEMAJUAN (Nota 11)</b>	<b>272,000</b>	<b>644,390</b>
	<u>14,299,873</u>	<u>11,564,141</u>
<b>DIBIAYAI OLEH</b>		
Kumpulan Wang Majlis	7,049,942	4,984,327
Bantuan Kerajaan Tertunda (Nota 12)	7,249,931	6,579,814
	<u>14,299,873</u>	<u>11,564,141</u>

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008	2007
	RM	RM
<b>PENDAPATAN</b>		
Cukai Taksiran Am	3,584,620	3,519,181
Caruman Bantu Kadar (Nota 13)	579,703	575,691
Lesen dan Permit	552,471	492,556
Terimaan Bagi Perkhidmatan	312,749	240,483
Perolehan daripada Jualan Barang-Barang Sewaan	23,991	26,912
Faedah	591,799	591,268
Denda dan Hukuman	64,983	52,968
Pemberian Kerajaan (Nota 14)	81,650	104,255
	<u>3,367,171</u>	<u>1,228,964</u>

	2008	2007
	RM	RM
Geran Keseimbangan (Nota 15)	1,814,722	1,814,722
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasi	973,529	797,402
Pelbagai (Nota 16)	151,305	116,381
	<u>12,098,693</u>	<u>9,560,783</u>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen (Nota 17)	4,365,713	3,698,024
Perjalanan dan Sara Hidup	94,637	73,465
Pengangkutan Barang-Barang	1,845	671
Perhubungan dan Utiliti	469,419	606,690
Sewaan	6,336	1,930
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan	277,741	241,612
Bekalan Pejabat dan Bahan-Bahan lain	156,783	106,406
Penyelenggaraan dan Pembaikan	127,558	406,166
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	468,786	482,534
Bayaran Pengurusan Alam Flora Sdn. Bhd.	1,277,968	1,316,556
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	12,500	21,000
Kemudahan (Nota 18)	3,367,171	1,228,964
Yuran Audit	9,160	8,627
Susutnilai (Nota 10)	1,012,297	711,253
Hapuskira	34,750	8,457
Pelbagai (Nota 19)	80,331	161,507
Peruntukan Hutang Ragu	14,850	—
	<u>11,777,845</u>	<u>9,073,862</u>
Lebih Pendapatan Atas Perbelanjaan	<u>320,848</u>	<u>486,921</u>

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008	2007
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebih Pendapatan	320,848	486,921
Pelarasan Bagi Item Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai	1,012,297	711,252
Susutnilai		
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan	(973,529)	(797,402)
Pelarasan Tahun Lepas	1,744,768	881,340
Faedah	(64,983)	(52,968)
	<u>2,039,401</u>	<u>1,229,143</u>
Lebih Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		
Pengurangan/(Pertambahan) Penghutang	257,716	(328,173)
Pengurangan Pelbagai Penghutang	—	16,001
Pertambahan Pertaruhan Dibayar	8,350	—
Pertambahan Pemiutang Lain	8,683	202,272
(Pengurangan) Terimaan Terdahulu	(3,210)	2,407
Pertambahan Pertaruhan Diterima	49,111	25,523
Pertambahan Sumbangan Amanah	381,155	167,084
	<u>2,741,206</u>	<u>1,314,257</u>
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi		

	2008 RM	2007 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pertambahan Aset Tetap	(1,007,627)	(583,998)
Kerja Dalam Kemajuan	(1,386,227)	(704,390)
Faedah	64,983	52,968
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(2,328,871)</u>	<u>(1,235,420)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Bantuan Kerajaan Tertunda	2,185,023	1,239,390
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	<u>2,185,023</u>	<u>1,239,390</u>
Pertambahan Tunai Dan Kesetaraan Tunai	2,597,358	1,318,227
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	2,615,801	1,297,574
Tunai Dan Kesetaraan Pada 31 Disember	<u>5,213,159</u>	<u>2,615,801</u>
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun Terdiri Daripada:		
Wang tunai ditangan dan di bank	4,484,347	1,913,569
Simpanan Tetap	435,734	422,762
Simpanan Akaun Amanah	293,078	279,471
	<u>5,213,159</u>	<u>2,615,802</u>

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	Kumpulan Wang Majlis RM	Bantuan Kerajaan Tertunda RM	Pinjaman Dari Kerajaan Negeri RM	Jumlah RM
Tahun 2008				
Baki pada 1-1-2008	4,984,327	6,579,814	221,044	11,785,185
Pelarasan	1,744,768	(541,377)	—	1,203,391
Tambahan Dalam Tahun	—	2,185,023	—	2,185,023
Realisasi Dalam Tahun	—	(973,529)	—	(973,529)
Lebih pendapatan dan perbelanjaan	320,848	—	—	320,848
Baki pada 31-12-2008	<u>7,049,943</u>	<u>7,249,931</u>	<u>221,044</u>	<u>14,520,918</u>

	Kumpulan Wang Majlis	Bantuan Kerajaan Tertunda	Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Tahun 2007				
Baki pada 1-1-2007	3,616,071	6,137,823	221,044	9,974,938
Pelarasan	881,335	3	—	881,338
Tambahan Dalam Tahun	—	1,239,390	—	1,239,390
Realisasi Dalam Tahun	—	(797,402)	—	(797,402)
Lebih pendapatan dan perbelanjaan	486,921	—	—	486,921
Baki pada 31-12-2007	4,984,327	6,579,814	221,044	11,785,185

Penyata Perubahan Ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota kepada akaun.

NOTA BERKENAAN AKAUN-AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

1. DASAR PERAKAUNAN

- (a) Akauan-akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.
- (b) Harta Tetap Dan Susutnilai

Harta Tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Tanah milik kekal dan kerja dalam proses tidak disusutnilaikan.

Susutnilai harta tetap telah diperintahkan dengan ansuran yang sama sepanjang jangkamasa kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut:

Tanah Milik Kekal	—
Tanah Pajakan 99 Tahun	99 tahun sepanjang 99 tahun
Bangunan	2%
Kenderaan dan jentera	20%
Perabut dan alat kelengkapan pejabat	20%
Lain-lain kelengkapan	20%
Komputer	10%
Peralatan Kerja	20%
Kemudahan Awam	20%

- (c) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

Risiko kewangan utama yang dihadapi oleh pihak Majlis dan polisi yang berkaitan dengan aktiviti perbendaharaan adalah seperti berikut:

- (i) Risiko kredit

Risiko kredit adalah kemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matan.

(ii) Risiko kecairan dan aliran tunai

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam menyediakan dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasanya.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Hanya pendapatan Cukai Taksiran Am, Caruman Bantu Kadar, Geran Keseimbangan, Sewaan Bangunan Perusahaan, Pasar, Tandas Awam, Perhentian Bas dan Teksi diambilkira secara konsep 'akruan'. Sementara itu lain-lain pendapatan diambilkira dalam akaun apabila diterima (konsep tunai).

(e) Perbelanjaan Terakru dan Sipiutang Majlis

Bagi pengiraan Perbelanjaan Terakru dan Sipiutang, ianya mengambilkira pembayaran yang dibuat kepada Sipiutang Majlis dan perbelanjaan terakru tahun 2007 dalam tahun 2008.

(f) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah tunai di tangan dan tunai di bank dan simpanan tetap yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(g) Realisasi Bantuan Kerajaan Tertunda

Bantuan Kerajaan Tertunda merupakan bantuan yang diterima daripada pihak kerajaan negeri dan juga persekutuan. Ianya diambilkira ke dalam akaun Majlis sebagai pendapatan mengikut kadar jangka hayat harta berkenaan.

(h) Instrumen-Instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan termasuklah tunai dan baki-baki tunai di bank, pelaburan, penghutang, pemiutang dan peminjam. Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai masing-masing dinyatakan di dalam penyataan dasar-dasar perakuan Majlis.

Instrumen-instrumen kewangan dilangsaikan apabila Majlis mempunyai hak untuk melaksanakan penyelesaian jumlah yang tertentu dan bertujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau menjangka nilai harta dan menyelesaikan hutang tersebut pada masa yang sama.

(i) Penghutang-penghutang

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti adalah dihapuskirakan dan peruntukan khas dibuat bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dipungut.

(j) Aktiviti Utama dan Maklumat Umum

Kegiatan utama Majlis ini mengutip cukai taksiran, lesen perniagaan dan pengiklanan. Selain itu merancang, melaksana serta mengawal selia pembangunan selaras dengan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Dasar-Dasar Kerajaan. Perubahan penting tidak berlaku di dalam jenis kegiatan ini bagi tahun kewangan yang dilaporkan.



2. WANG TUNAI DI BANK		
	2008	2007
	RM	RM
Di bank	4,482,610	1,912,568
Panjar Wang Runcit	1,000	1,000
Wang Tunai Dalam Tangan	737	1
	<u>4,484,347</u>	<u>1,913,569</u>
3. PENGHUTANG		
Cukai Taksiran	3,207,277	3,118,294
Sewa	147,105	160,097
Caruman Bantu Kadar–Kerajaan Negeri	235,231	554,938
Caruman Bantu Kadar–Kerajaan Negeri Selangor	—	14,000
	<u>3,589,613</u>	<u>3,847,329</u>
4. PERTARUHAN DIBAYAR		
Cagaran JBA	4,910	4,910
Cagaran TNB	6,680	6,680
Cagaran Telekom	1,700	1,700
Cagaran Celcom	200	200
Cagaran Pos (M) Sdn. Bhd.	200	200
Cagaran Mahkamah	21,350	14,850
	<u>35,040</u>	<u>28,540</u>
Tolak:		
Peruntukan Hutang Ragu	(14,850)	—
	<u>20,190</u>	<u>28,540</u>
5. PEMIUTANG LAIN		
Perbelanjaan Terakru	1,294,447	1,286,297
Peruntukan Bayaran Audit	9,160	8,627
Peruntukan bayaran kos peguam	9,988	9,988
	<u>1,313,595</u>	<u>1,304,912</u>
6. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI		
Pembayaran balik dalam jangka masa 12 bulan (Termasuk ansuran tertunggak)	221,044	221,044
Pembayaran balik dalam jangka masa lebih 12 bulan	—	—
	<u>221,044</u>	<u>221,044</u>
7. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran	26,362	25,904
Sewa	2,150	1,450
Emolumen Unit OSC	—	4,368
	<u>28,512</u>	<u>31,722</u>

8. PERTARUHAN DITERIMA

	2008	2007
	RM	RM
Membina Jalan Stadium	2,596	2,596
Penyelenggaraan Jalan Taman Sentosa	4,450	4,450
Bekalan air gerai makan	150	150
Lain-lain pertaruhan dan cagaran	541,653	492,542
Bantuan culvert	11,612	11,612
	<u>560,461</u>	<u>511,350</u>

9. SUMBANGAN AMANAH

	Awal tahun RM	Tambahan RM	Pelarasan RM	Perbelajaan dalam tahun RM	Akhir tahun RM
MARRIS					
Terimaan Tahun 2008	167,084	1,097,600	—	(719,996)	544,688
EMOLUMEN UNIT OSC					
Terimaan Tahun 2008	—	685	4,368	(1,502)	3,551
	<u>167,084</u>	<u>1,098,285</u>	<u>4,368</u>	<u>(721,498)</u>	<u>548,239</u>

	2008 RM
Naiktaraf Jalan Rumah Murah Sempalit dan Taman Emas	59,760
Naiktaraf jalan & longkang di Taman Raub Utama, Taman Mutiara 2, Taman Lee Man, Taman Melati, Sg. Lui Kelompok 2, Taman Raub Jaya 3 & 5, Inderapura dan Taman Bukit Koman	—
Naiktaraf jalan di Kg. Sg. Lui Kelompok-1, Raub	49,370
Naiktaraf jalan di Taman Raub Jaya, Taman Seroja Tras dan Jalan Setia Lela, Raub	25,125
Naiktaraf jalan & longkang di Simpang Kallang, Kg. Baru Bukit Koman, Sg. Lui, Rotan Tunggal	84,005
Taman Medan Indah & Taman Sentosa	77,386
Naiktaraf jalan & longkang di Taman Sri Raub, Taman Emas, Jalan Lipis, Jalan Tong Nam Bee, Kg. Baru Sg. Ruan & Sempalit	—
Naiktaraf jalan & longkang di Rumah Murah Cheroh & Taman Cheroh Mumi, Cheroh	63,998
Membina pintu gerbang jalan masuk ke Rumah Rehat Raub	80,524
Membina tembok penahan & lain-lain kerja yang berkaitan di Taman Medan Indah, Raub	19,800
Membina tembok penahan & lain-lain kerja yang berkaitan di Taman Raub Jaya 3	181,248
	<u>78,780</u>
	<u>719,996</u>

	2008
	RM
 EMOLUMEN UNIT OSC	
Bayaran gaji	870
Bayaran ITKA	115
Bayaran BSH	100
Bayaran ITP	180
Bayaran KWSP	154
Bayaran Imbuhan Tahunan	83
	1,502

	Awal tahun	Tambahan	Perbelanjaan dalam tahun	Akhir tahun
	RM	RM	RM	RM
 MARRIS				
Terimaan Tahun 2007	—	853,690	686,606	167,084
	—	853,690	686,606	167,084

	2007
	RM
Menaiktaraf jalan di Taman Kemajuan, Raub	129,412
Membaharui muka jalan di Taman Raub Jaya 5, Jalan Tras	113,068
Menaiktaraf jalan di taman perumahan Rumah Murah Simpang Kallang	66,792
Menaiktaraf jalan belakang Shell, Esso dan Taman Medan Indah	121,421
Membaiki jalan di Pusat Perniagaan Inderapura dan Taman Tan Tiong	62,604
Membaiki jalan di Taman Raub Jaya 3 dan Taman Lee Man	123,414
Menaiktaraf jalan di Kelompok Sg. Lui 1 dan Inderapura, Jalan Tras	20,000
Membaiki jalan dan tembok penahan di Taman Lee Man dan Taman KSM Sg. Ruan,	19,935
Bangunan LKNP, Gerai Majlis Jalan Tras, Sg. Ruan dan belakang Petronas Jalan Cheroh	15,000
Kerja-kerja ukur untuk mendalamkan longkang di Sg. Lui, Raub	8,000
Pembaikan lampu isyarat lintasan penjalan kaki di hadapan hentian bas, Raub	6,960
	686,606

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Awal tahun	Tambahan	Pelarasan	Akhir tahun
	RM	RM	RM	RM
 Tahun 2008				
Kos				
Tanah	10,759	—	—	10,759
Bangunan	6,316,199	—	—	6,316,199
Kenderaan dan Jentera	2,492,456	190,843	—	2,683,299
Perabut dan kelengkapan pejabat	610,068	15,447	—	625,515
Lain-lain kelengkapan	388,576	2,550	—	391,126

	Awal tahun RM	Tambahan RM	Pelarasan RM	Akhir tahun RM
Komputer	341,275	—	—	341,275
Kemudahan Awam	4,528,267	2,016,024	541,380	7,085,671
	<u>14,687,600</u>	<u>2,224,864</u>	<u>541,380</u>	<u>17,453,844</u>

## Susut Nilai Terkumpulan

Bangunan	1,016,169	126,324	—	1,142,493
Kenderaan dan Jentera	2,174,630	137,799	—	2,312,429
Perabut dan kelengkapan pejabat	581,824	12,046	—	593,870
Lain-lain kelengkapan	370,519	6,706	—	377,225
Komputer	339,913	150	—	340,063
Kemudahan Awam	3,540,353	729,272	541,377	4,811,002
	<u>8,023,408</u>	<u>1,012,297</u>	<u>541,377</u>	<u>9,577,082</u>

	Awal tahun RM	Tambahan RM	Direklasifikasi dalam tahun RM	Akhir tahun RM
Tahun 2007				
Kos				
Tanah	10,759	—	—	10,759
Bangunan	6,316,199	—	—	6,316,199
Kenderaan dan Jentera	2,218,056	274,400	—	2,492,456
Perabut dan Kelengkapan Pejabat	597,468	12,600	—	610,068
Lain-lain Kelengkapan	388,576	—	—	388,576
Komputer	339,777	1,498	—	341,275
Kemudahan Awam	3,984,217	544,050	—	4,528,267
	<u>13,855,052</u>	<u>832,548</u>	<u>—</u>	<u>4,687,600</u>

## Susut Nilai Terkumpul

Bangunan	889,845	126,324	—	1,016,169
Kenderaan dan Jentera	2,032,190	142,440	—	2,174,630
Perabut dan kelengkapan pejabat	571,752	10,072	—	581,824
Lain-lain kelengkapan	360,144	10,375	—	370,519
Komputer	339,763	150	—	339,913
Kemudahan Awam	3,118,461	421,892	—	3,540,353
	<u>7,312,155</u>	<u>711,253</u>	<u>—</u>	<u>8,023,408</u>

2008

RM

2007

RM

## NILAI BUKU BERSIH

Tanah	10,759	10,759
Bangunan	5,173,706	5,300,030
Kenderaan dan Jentera	370,870	317,826
Perabut dan kelengkapan pejabat	31,645	28,244
Lain-lain kelengkapan	13,901	18,057
Komputer	1,212	1,362
Kemudahan Awam	2,274,669	987,914
	<u>7,876,762</u>	<u>6,664,192</u>

11. KERJA DALAM KEMAJUAN

